

Malaysia tak perlu minta maaf — PM

U.M. - 7 APR 1994

KUALA LUMPUR 6 April — Malaysia tidak perlu meminta maaf kepada Filipina berhubung penahanan 1,000 orang pendatang negara itu dalam satu operasi di pekarangan Gereja St. John, di sini baru-baru ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini.

Menurut beliau, tidak ada sebab untuk minta maaf pada Filipina kerana operasi tersebut adalah operasi biasa yang bertujuan untuk mengesan pendatang asing yang memasuki negara ini tanpa permit yang sah.

Dr. Mahathir juga menafikan tuduhan beberapa pihak yang mengatakan

penahanan pendatang Filipina ini adalah atas dasar menindas orang Kristian di negara ini.

“Tuduhan tersebut tidak berasas kerana kerajaan tidak pernah bersikap anti-Kristian di negara ini.

“Kita pernah menangkap pendatang asing beragama Islam yang tidur di pekarangan masjid dan isu ini tidak pernah diperbesar,” tegasnya kepada pemberita selepas menghadiri Perjumpaan Aidilfitri bersama Media di sini malam ini.

Tambah Dr. Mahathir, ada sesetengah pihak sengaja memperbesar-besarkan isu ini bagi mewujudkan ketegangan antara penduduk berbilang kaum

yang hidup aman di negara ini.

Ketika mengulas mengenai pertambahan undi kepada calon Barisan Nasional (BN) di pilihanraya kecil kawasan Lundang, beliau berkata, Pas mula hilang kepercayaan rakyat Kelantan walaupun parti itu mencipta pelbagai isu bagi memenangi kerusi tersebut.

“Walaupun banyak isu seperti hukum hudud, cuti hari Jumaat dan cuti hari Ahad telah dicipta oleh Pas tetapi BN masih mendapat undi yang banyak berbanding dengan pilihanraya umum pada tahun 1990,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, beberapa kelemahan yang

terdapat pada jentera pilihanraya BN di Kelantan akan dibaiki bagi menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Sementara itu, Dr. Mahathir juga memberitahu Kabinet ada membincangkan tentang perlantikan Gabenor baru Bank Negara.

“Nama Gabenor baru itu akan diumumkan oleh Menteri Kewangan,” jelasnya.

Majlis Perjumpaan Aidilfitri bersama Media yang diadakan di sebuah hotel di sini yang dianjurkan Kementerian Penerangan ini turut dihadiri oleh Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan beberapa orang kenamaan serta para wartawan dari media tempatan.